

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : 27.10.2016

SOALAN :

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mengetahui jumlah peratusan murid di sekolah rendah di Sarawak yang belum pandai menulis, mengira dan membaca. Apakah masalah sebenar dan langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan program literasi dan kecekapan berbahasa Melayu dan Inggeris adalah penting bagi mencapai salah satu aspirasi murid di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Sejak tahun 2013, semua murid Tahap 1 di sekolah rendah perlu mengikuti Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) supaya murid menguasai asas literasi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta numerasi pada akhir Tahun 3.

Sehingga 31 Mei 2016, 91.01 peratus murid Tahun 3 sekolah rendah di Sarawak yang telah menguasai literasi bahasa Melayu. Manakala 81.24 peratus murid Tahun 3 di Sarawak telah menguasai Literasi bahasa Inggeris. Seterusnya 91.72 peratus murid Tahun 3 di Sarawak telah menguasai kemahiran asas numerasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah dan sedang mengambil langkah bagi mengatasi masalah ini iaitu:

1. Penyediaan modul pedagogi LINUS 2.0 kepada murid yang belum menguasai bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan sebaik mungkin mengikut tahap penguasaan murid.
2. Pelaksanaan latihan kepada guru di sekolah rendah terutama kepada guru Bahasa Inggeris dan guru pemulihan khas semasa proses pengajaran dan pembelajaran.
3. Penyediaan instrumen Saringan LINUS 2.0 bagi mengenal pasti dan mengetahui tahap penguasaan murid yang sebenar dari semasa ke semasa.
4. Perkongsian maklumat dengan pihak berkepentingan iaitu guru besar dan pentadbir sekolah, guru-guru dan ibu bapa di dalam pengurusan dan pelaksanaan LINUS 2.0 untuk memperkembangkan tahap penguasaan murid.
5. Pemeriksaan khas LINUS 2.0 di sekolah rendah bagi membantu dan membimbing sekolah di dalam pelaksanaan dan pemantapan pedagogi guru kepada murid di sekolah.
6. Kesediaan FasiLINUS (bahasa Melayu, Numerasi dan bahasa Inggeris) di dalam melaksanakan intervensi, bimbingan dan pementoran kepada guru, murid dan ibu bapa serta perkongsian ilmu bagi memastikan tahap penguasaan murid tercapai seperti yang disasarkan.